

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 AUGUST 2016

PINDAAN PERKARA MEMBABITKAN KUASA YANG DI-PERTUAN AGONG DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

# Dr Mahathir didakwa cuba babitkan Raja-Raja Melayu

BH-28/8/2016

➔ Bekas PM perlu mohon maaf secara terbuka kepada rakyat

Oleh Nazura Ngah  
nazura\_ngah@bh.com.my

► Kuala Lumpur


**T**un Dr Mahathir Mohamad perlu memohon maaf secara terbuka kepada rakyat, khususnya ahli UMNO atas beberapa tindakannya yang mendatangkan kesan buruk kepada parti dan negara secara keseluruhan.

Setiausaha Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub, berkata jika bekas Perdana Menteri itu terkenan akibat kesilapan dilakukan terhadap Raja-Raja Melayu, khususnya Yang di-Pertuan Agong, beliau wajar melakukan tindakan sama atas kesalahan dilakukan sepanjang pentadbirannya.

"Dr Mahathir juga banyak bersalah kepada UMNO. Ke mana perginya harta UMNO yang diserahkan kepada kroninya sebagai pemegang amanah selama beliau menjadi Presiden UMNO?"

"Pada zaman beliau juga, ratusan bilion ringgit rugi dan hilang dalam pelaburan yang tidak terancang, antaranya Perwaja, tukaran wang asing Bank Negara dan banyak lagi yang ditutup begitu saja.

"Kalau Dr Mahathir ikhlas, beliau sepatutnya memohon maaf kepada



Pada zaman beliau juga, ratusan bilion ringgit rugi dan hilang dalam pelaburan yang tidak terancang"

**Mustapha Yaakub,**  
Setiausaha Veteran  
UMNO

semua kesalahannya, bukan hanya kepada Yang di-Pertuan Agong. Beliau mesti memohon maaf kepada seluruh ahli UMNO dan rakyat di atas salah laku dan kesilapannya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir memohon maaf secara terbuka berhubung tindakan beliau membuat pindaan terhadap perkara membabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam Perlembagaan Persekutuan ketika menjadi Perdana Menteri.

Mustapha berkata, tidak sepatutnya timbul isu permohonan maaf Dr Mahathir kepada Raja-Raja Melayu kerana ia sudah menjadi sejarah, apatah lagi pemimpin itu sukar memohon maaf di atas kesilapannya kerana beliau sentiasa berpendapat semua tindakan dan keputusannya adalah betul.

"Mungkin Dr Mahathir cuba memancing Raja-Raja Melayu dan Yang di-Pertuan Agong dalam usaha untuk memenangi hati mereka supaya beliau diberi peluang untuk menghadap bagi mendapatkan persetujuan Majlis Raja-Raja dalam usaha beliau untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak," katanya.

**Tindakan hanya retorik, wayang**  
Sementara itu, bekas Pengerusi Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (KITA) Kedah, Zamil Ibrahim menyifatkan tindakan Dr Mahathir membuat permohonan maaf secara terbuka sebagai retorik dan wayang kerana pindaan terhadap perkara membabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong hanyalah 0.5 peratus daripada kesilapannya.

Beliau berkata, pemimpin itu wajar memohon maaf bagi kesalahan dilakukan sepanjang 22 tahun memegang jawatan Perdana Menteri, sehingga pemimpin itu digelar maha zalim dan maha firau oleh pemimpin pembangkang.

Katanya, pemimpin pembangkang yang sedang bekerjasama dengan Dr Mahathir dicabar menarik balik gelaran itu jika benar Dr Mahathir tidak melakukan kesilapan seperti yang didakwa.

"Antara kesilapan Dr Mahathir adalah projek Perwaja yang kini menjadi gajah putih di Gurun, Kedah, yang membabitkan wang rakyat.

"Dr Mahathir juga wajar memohon maaf kerana tindakan diktator memaksa Tan Sri Osman Aroff berundur daripada jawatan Menteri Besar Kedah pada 1996," katanya.

**Ragui keikhlasan Tun M**  
Sementara itu, di Alor Setar, Men-

teri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, meragui keikhlasan Tun Dr Mahathir memohon maaf kerana membuat pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan, yang membabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong ketika menjadi Perdana Menteri.

Pengerusi Perhubungan UMNO Kedah itu percaya bekas Perdana Menteri itu pastinya mempunyai agenda tertentu atau memerlukan sesuatu dengan menyatakan permohonan maaf terbabit.

"Beliau minta maaf selepas keadaan menjadi semacam ini... kalau dulu tak minta maaf pada sesiapa-pun," katanya selepas merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Alor Setar di sini, semalam.



**Keratan akhbar**  
BH, semalam.